

PENGANJUR

Persatuan Memanah Negeri Pulau Pinang

PELAKSANAAN PROGRAM

Tarikh Mula Pendaftaran : 1 Mac 2026
Tarikh Akhir Pendaftaran : 20 April 2026
Tarikh Akhir Bayaran : 20 April 2026
Mesyuarat Pengurus Pasukan : 29 April 2026 (online)
Tarikh Kejohanan : 30 April – 3 Mei 2026

PENYERTAAN

Penyertaan adalah sebanyak RM120.00 (atlet Bawah 15/12/9), RM 120.00 kategori terbuka, Compound beginner dan RM50 (pengurus/jurulatih)

Penyertaan adalah melalui Kelab dan Persatuan Memanah Negeri.

Pembayaran yuran adalah ditanggung oleh pengurusan pasukan masing-masing.

Kadar denda/penalti **pendaftaran lewat/pertukaran** adalah RM50.00/orang.

Pertukaran atlet atas sebab kecederaan adalah dikecualikan daripada bayaran.

Sila sertakan surat pengesahan daripada doktor perubatan.

PENDAFTARAN MELALUI

MAREOS

[Malaysia Archery Result & Entry Online System](#)

PERATURAN PERTANDINGAN PENANG ARCHERY CHAMPIONSHIP 2026

UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang 'World Archery' (**WA**) dan Peraturan Persatuan Memanah Kebangsaan.

JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan akan dijalankan selama EMPAT (4) hari.

Lelaki & Wanita Perseorangan (RECURVE OPEN)

- i. Jarak **70M x 2** (Perseorangan)
- ii. Pusingan Kalah Singkir
- iii. Pasukan campuran
- iv. Pasukan
- v. Target Face **122cm**

Lelaki & Wanita Perseorangan (COMPOUND OPEN)

- I. Jarak **50M x 2** (Perseorangan)
- II. Pusingan Kalah Singkir
- III. Pasukan campuran
- IV. Pasukan
- V. Target Face **80cm 6 rings**

Lelaki & Wanita Perseorangan (COMPOUND BEGINNER)

- I. Jarak **40M x 2** (Perseorangan)
- II. Jarak **30M x 2** (Perseorangan)
- III. Pasukan Keseluruhan
- IV. Target Face **80cm 6 rings**

Lelaki & Wanita Perseorangan (RECURVE U15)

- i. Jarak **50M x 2** (Perseorangan)
- ii. Jarak **30M x 2** (Perseorangan)
- iii. Pasukan Keseluruhan
- iv. Target Face **80cm 6 rings**

Lelaki & Wanita Perseorangan (RECURVE U12)

- i. Jarak **30m x 2** (Perseorangan)
- ii. Jarak **20m x 2** (Perseorangan)
- iii. Pasukan Keseluruhan
- iv. Target Face **80cm 6 rings**

Lelaki & Wanita Perseorangan (RECURVE U9)

- I. Jarak **20M x 2** (Perseorangan)
- II. Jarak **15M x 2** (Perseorangan)
- III. Pasukan Keseluruhan
- IV. Target Face **122cm**

Lelaki dan Perempuan Pusingan Kalah Singkir

Hanya melibatkan kategori , **Recurve Terbuka dan Compound Terbuka**

Jarak mengikut kategori masing-masing

Bagi kategori berpasukan campuran, hanya **1 atlet lelaki & 1 atlet perempuan** bagi setiap pasukan

PENDAFTARAN PEMAIN / PASUKAN

Tiada had penyertaan untuk jumlah atlet untuk acara perseorangan yang mewakili sesebuah sekolah, kelab atau organisasi.

SISTEM PERTANDINGAN

Setiap peserta diwajibkan memanah jarak yang dipertandingkan sebanyak tiga puluh enam (36) batang anak panah

Bagi kategori **Recurve Terbuka, Compound Terbuka dan Compound 15TKB** pemanah akan memanah sebanyak dua pusingan yang berjumlah tujuh puluh dua (72) anak panah keseluruhan.

Bagi kategori **Recurve 10/12/15 TKB** pemanah akan memanah sebanyak 4 pusingan yang berjumlah seratus empat puluh empat (144) anak panah keseluruhan.

Peserta / Pasukan yang mendapat mata tertinggi akan dikira pemenang.

GELANGGANG & ALATAN

Rujuk Undang-Undang WORLD ARCHERY (**WA**).

Rujuk Peraturan AM Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM)

TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan pada sebelah malam melalui dalam talian 1 hari sebelum pertandingan.

Selepas taklimat pengurus, sebarang permohonan / gantian peserta **tidak dibenarkan**.

MASA MELAPOR DIRI

Setiap pasukan dikehendaki melaporkan diri kepada Ketua Hakim (Chief Judge) Kejohanan untuk pemeriksaan **wajib** peralatan pertandingan (Tackle Inspection) pada hari pertandingan.

MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

Sila rujuk Peraturan WA Rules Book 2 Bab 7.4 dan Bab 7.8

BANTAHAN

Sila rujuk Peraturan Am WA

Setiap pasukan dibenarkan membuat bantahan. Hanya Pengurus Pasukan dibenarkan membuat bantahan.

Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada Pengarah / Pegawai Pertandingan dalam masa tiga puluh (30) minit selepas pertandingan itu tamat. (Berpandukan kepada Undang-Undang WA, Artikel 150).

JURI RAYUAN

Sila rujuk Peraturan Am WA

PENGADIL (HAKIM DAN PEGAWAI PERTANDINGAN)

Hakim-hakim dan Pegawai Pertandingan akan dilantik oleh Jawatankuasa Pengelola dengan kerjasama Majlis Sukan Sekolah Pulau Pinang & Persatuan Memanah Kebangsaan

PENTAFSIRAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN-PERATURAN PERTANDINGAN

Jawatankuasa Pengelola mempunyai hak mentafsirkan segala perkara yang tidak disiarkan di dalam undang-undang /

peraturan pertandingan ini dan keputusan yang dibuat adalah muktamad.